

P5A-3

**POTENSI AIR BAWAH TANAH DI PULAU TENGGOL, TERENGGANU
BERDASARKAN TEKNIK PENGIMEJAN KEBERINTANGAN GEOELEKTRIK**

Lakam anak Mejus, Rahman Yaccup & Roslanzairi Mostapa

Agensi Nuklear Malaysia
Bangi, 43000 Kajang, Selangor

ABSTRAK

Keperluan bekalan sumber air bersih di Pulau Tenggol amat terhad memandangkan sumber air bersih sukar diperolehi. Selain daripada chalet dan rumah peranginan yang menggunakan banyak bekalan air, ianya juga menjadi destinasi persinggahan kapal-kapal nelayan untuk berlabuh, berteduh dan memperolehi bekalan air bersih sebelum meneruskan aktiviti mereka. Semasa kajian dijalankan, sumber air bersih hanya diperolehi daripada air hujan dan perigi cetek yang beroperasi pada masa-masa tertentu. Oleh itu atas inisiatif Jabatan Mineral dan Geosains Terengganu dan Kerajaan Negeri bersama dengan Agensi Nuklear Malaysia, satu kajian penjelajahan sumber air tanah menggunakan teknik pengimejan keberintangan geoelektrik telah dilaksanakan. Sebanyak dua garisan survei menggunakan konfigurasi Schlumberger telah dijalankan sepanjang pesisir pantai berdekatan dengan kawasan chalet di pulau berkenaan. Kertas kerja ini akan membincangkan hasil kajian tersebut yang mana ianya menjadi salah satu maklumat yang penting dalam projek pembangunan sumber air tanah di pulau berkenaan.